

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 27/7/2008



SULTAN Kedah, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah melihat cenderamata yang dipersembahkan oleh pengetua kolej, Morazuki Hashim (dua kiri) selepas Majlis Perasmian Sambutan 100 Tahun Kolej Sultan Abdul Hamid (KSAH), semalam. Turut hadir Tun Dr. Mahathir Mohamad.

UM - 27/7/2008

Jangan belakangkan komponen

ALOR STAR 26 Julai - Pertemuan atau muqabalah antara Pas dengan UMNO tidak seharusnya membelakangkan parti komponen dalam Barisan Nasional, kata Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri itu menyokong pertemuan tersebut jika ia mendatangkan kebaikan kepada kedua-dua belah pihak tanpa mem-

belakangkan parti komponen dalam Barisan Nasional (BN).

"Kesannya kita boleh lihat nanti tapi kalau UMNO dan Pas sahaja yang asyik bercakap, apa pula kata MCA, MIC dan Gerakan.

"Kita tidak boleh tinggalkan mereka di belakang kerana sebenarnya mereka adalah sebahagian daripada parti," katanya kepada pemberita

selepas hadir di Majlis Sambutan Kolej Sultan Abdul Hamid (KSAH) yang ke-100 di sini hari ini.

Pada majlis tersebut, Sultan Kedah, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dianugerahkan Tokoh Pelajar Abad ini manakala Mahathir yang merupakan bekas pelajar KSAH dianugerahkan Tokoh Pelajar Tahunan.